

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
(KULIM BANDAR BAHARU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.05.2015**

**Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional untuk menggunakan Pembinaan PFI bagi menyalurkan dana untuk projek pembangunan dan bukannya menyalurkan dana melalui saluran konvensional iaitu perbelanjaan pembangunan dalam belanjawan Kerajaan serta nyatakan senarai semua projek termasuklah nama kontraktor, kos dan juga status setiap projek yang telah dibiayai oleh Pembinaan PFI sejak penubuhannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pembinaan PFI Sdn Bhd (PPFI) adalah sebuah Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle-SPV*) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan pada 28 September 2006. Tujuan penubuhan syarikat ini ialah untuk memperoleh dana bagi membiayai projek-projek pembangunan dan program-program yang dikenalpasti oleh Kerajaan.

Semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ke-9 di Parlimen pada 31 Mac 2006, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dengan dana sebanyak RM20 bilion (PFI 1) dan semasa pembentangan Bajet 2012 dan 2013, Kerajaan mengumumkan pelaksanaan Pakej Rangsangan Khas yang dibiayai melalui PFI sebanyak RM12 bilion (PFI 2). Perolehan dana melalui PPFI untuk membiayai projek-projek pembangunan ini adalah bertujuan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan terutamanya projek-projek infrastruktur seperti sekolah, universiti, hospital, penjara dan sebagainya memandangkan peruntukan dibawah Belanja Pembangunan (DE) adalah terhad.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek termasuk proses perolehan di bawah PFI ini adalah sama seperti projek-projek pembangunan Kerajaan sedia ada yang dibiayai melalui DE. Perbezaan hanya dari aspek pembiayaan, di mana PFI ditubuhkan bagi mendapatkan pinjaman yang kemudiannya disalurkan ke Akaun Amanah PFI di bawah kendalian Jabatan Akauntan Negara. Kaedah ini berbeza dengan pelaksanaan projek di bawah konsep kerjasama awam swasta (3P) yang diterajui oleh Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan perdana Menteri (UKAS, JPM) yang mana projek berkenaan dibiayai dan dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak swasta.

Secara umumnya, projek-projek yang dikenal pasti untuk dilaksanakan melalui pembiayaan dana PFI ini perlu mempunyai *spin-off* yang meluas ke atas pertumbuhan ekonomi dan perlu dilaksanakan dengan segera untuk memberi manfaat kepada rakyat. Terdapat 547 projek dibiayai di bawah PFI 1 dan sehingga April 2015, sebanyak 526 projek (96.2%) telah siap dilaksanakan. Bagi PFI 2 pula, terdapat 339

projek yang dikenalpasti dan 77 projek telah siap sepenuhnya manakala 262 projek/program lagi masih di peringkat pra pembinaan atau pelaksanaan dan peringkat pembinaan atau pelaksanaan. Proses perolehan, pelaksanaan dan pemantauan projek/program termasuk pelantikan kontraktor bagi menjalankan projek/program pembangunan melalui dana PFI ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian/Agensi yang terlibat mengikut prosedur perolehan Kerajaan sedia ada. PPFI hanya berperanan mendapatkan dana untuk membiayai projek/program pembangunan yang telah dikenalpasti.